

Malaysia, Singapura terus perkukuh hubungan erat

Zambry terima kunjungan hormat bincang isu berkepentingan bersama

Putrajaya: Menteri Luar Negeri, Dr Zambry Abdul Kadir, semalam, menerima kunjungan hormat rakan sejawatnya dari Singapura, Dr Vivian Balakrishnan sempena lawatan kerja empat hari ke Malaysia mulai semalam hingga Rabu ini.

Menurut kenyataan Kemente-

rian Luar (Wisma Putra), ia adalah lawatan peringkat menteri yang pertama di terima Zambry sejak dilantik sebagai Menteri Luar Negeri, pada 2 Disember tahun lalu.

"Lawatan ini adalah sebahagian usaha berterusan untuk mengukuhkan hubungan erat sedia ada di antara Malaysia dan Singapura.

"Lawatan kerja Tuan Yang Terutama Dr Vivian Balakrishnan akan memberi peluang terbaik untuk Malaysia dan Singapura mengukuhkan hubungan baik dan kerjasama pelbagai bidang



Vivian Balakrishnan

di antara kedua-dua negara," menurut kenyataan itu.

Rakan dagang kedua terbesar

Ketika lawatan itu, kedua-dua menteri akan mengadakan pertemuan dan bertukar pandangan mengenai pelbagai isu berkepentingan bersama.

Balakrishnan juga dijadualkan menghadap Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Menurut laporan *BERNAMA* pada Sabtu memetik kenyataan Kementerian Luar Singapura be-

liau juga akan mengadakan pertemuan dengan Menteri Pengangkutan, Anthony Loke; Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli; Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamad Hasan dan Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Nik Nazmi Nik Ahmad serta ahli politik dan personaliti Malaysia lain.

Balakrishnan akan diiringi pegawai dari Kementerian Luar Negeri, menurut Kementerian Luar Singapura.

Pada 2022, Singapura adalah rakan dagang kedua terbesar Malaysia dan terbesar dalam ASEAN dengan jumlah dagangan RM336.73 bilion (AS\$76.40 bilion), peningkatan 30.8 peratus, berbanding nilai yang direkodkan pada 2021. *BERNAMA*